



**TIMBALAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002
Faks : 03-88892639
E-mel : farida@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. SUJIL : MY-AR : 4897

Rujukan Kami: JPA(S)223/8/2-3 Jld.4 (36)
Tarikh : 23 Oktober 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PENJAWAT AWAM HASIL
LAPORAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH SURUHANJAYA
PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 telah menjelaskan cara Ketua Jabatan dan Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) mengurus kes tatatertib yang dirujuk oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dahulunya dikenali sebagai Laporan Badan Pencegah Rasuah. Laporan SPRM akan digunakan bagi tujuan perakuan tindakan tatatertib terhadap pegawai awam yang didapati melakukan pelanggaran tatakelakuan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993] atau peraturan tatatertib lain yang berkuat kuasa kerana kes tersebut tidak dibawa ke mahkamah atas sebab-sebab tertentu.

3. Dimaklumkan juga bahawa sebahagian besar daripada Laporan SPRM yang dikemukakan kepada Ketua Jabatan adalah melibatkan kesalahan seperti berikut:

- (a) Meminta dan menerima rasuah atau tidak melaporkan penawaran sogokan;
- (b) Menggunakan kedudukan atau jawatan awam untuk kepentingan diri;
- (c) Mengemukakan tuntutan palsu atau pengesahan yang mengandungi butiran palsu bertujuan mengelirukan prinsipalnya (majikan);
- (d) Tidak melaksanakan tugas dan tidak mengikut prosedur jabatan (ingkar perintah); dan
- (e) Bersikap tidak bertanggungjawab, cuai dan melakukan penyelewengan dalam melaksanakan tugas yang melibatkan kewangan jabatan.

Kesalahan seperti yang dinyatakan di atas juga adalah termasuk dalam pelanggaran tatakelakuan di bawah peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

4. Berdasarkan statistik SPRM dan dapatan analisa Jabatan Perkhidmatan Awam, didapati bahawa terdapat kes yang dirujuk oleh SPRM berakhir dengan keputusan '**Amaran Pentadbiran**' ke atas pegawai. Umum berpandangan bahawa tindakan tersebut tidak mencerminkan hasrat sebenar Kerajaan yang memandang serius terhadap kes-kes yang melibatkan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

5. Seyogianya diingatkan bahawa keputusan '**Amaran Pentadbiran**' bukanlah hukuman tatatertib sepertimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] iaitu seperti berikut:

- (a) amaran;
- (b) denda;
- (c) lucut hak emolumen;

- (d) tangguh pergerakan gaji;
- (e) turun gaji;
- (f) turun pangkat; dan
- (g) buang kerja.

6. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin mengingatkan kepada semua Ketua Jabatan supaya mempercepatkan siasatan bagi kes-kes yang dirujuk oleh SPRM dan mengemukakan kepada PBTT masing-masing untuk tindakan tatatertib. Selain itu, Jabatan ini juga berharap PBTT agar dapat mengambil tindakan serta mengenakan hukuman tatatertib yang setimpal terhadap kes-kes yang dirujuk oleh SPRM setelah pertimbangan yang adil dan saksama dibuat.

7. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang kemusykilan atau ingin sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sukacita pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan menghubungi pegawai-pegawai Sektor Pembangunan Dasar Tatatertib Dan Keutuhan, Bahagian Perkhidmatan di talian **03-8885 4115 / 4113 / 4369**.

8. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATUK FARIDA MOHD ALI)
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

S.k - Setiausaha Sulit Kanan Kepada
Ketua Setiausaha Negara